

## TERMA DAN SYARAT:

### UMUM

- (1) Terbuka kepada:
  - Individu: Penduduk Tetap Malaysia (PTM) dan Orang Awam Malaysia (MAL) yang berumur 18 tahun dan ke atas.
  - Perniagaan/Syarikat: Perniagaan/Syarikat yang berdaftar.
- (2) Setiap pemohon hendaklah mendaftarkan permohonan di laman sesawang **hebat.um.edu.my**
- (3) Profil pengguna perlu dikemaskini dengan lengkap sebelum membuat sebarang transaksi.
- (4) Hanya Nombor Plat UM yang telah dibuka untuk jualan sahaja yang boleh dibeli. Tempahan nombor atau pembelian nombor sebelum tempoh jualan dibuka atau selepas tempoh jualan tamat tidak dibenarkan.
- (5) Urusan pendaftaran dengan pihak JPJ bagi Nombor Plat UM yang berjaya dibeli adalah atas tanggungjawab pembeli sendiri. Pihak Universiti Malaya tidak akan bertanggungjawab terhadap kegagalan pembeli untuk mendaftarkan Nombor Plat UM dalam tempoh masa yang ditetapkan.
- (6) Universiti Malaya mempunyai hak mutlak dalam menentukan penjualan sesuatu Nombor Plat UM termasuklah tetapi tidak terhad kepada penentuan keputusan jualan, pembatalan penjualan, perubahan harga jualan, perubahan tempoh jualan dibuka, dan perubahan dalam Terma & Syarat pembelian.
- (7) Sebarang pertanyaan boleh dibuat kepada Bahagian Perancangan Kewangan, Jabatan Bendahari di talian +603-7967 3268/ 3469/ 3398 atau emel [hebat@um.edu.my](mailto:hebat@um.edu.my).

### BIDAAN

Pembelian secara bidaan tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- (1) Yuran Pengurusan dikenakan bagi setiap Nombor Plat UM yang dibida mengikut kategori seperti berikut:

Bil	Kategori Nombor Plat UM	Yuran Pengurusan
1	Platinum	RM50.00

2	Emas	RM50.00
3	Perak	RM50.00
4	Gangsa	RM30.00

Setiap bayaran Yuran Pengurusan yang dikenakan **TIDAK AKAN DIKEMBALIKAN.**

- (2) Harga bidaan minima bagi setiap kategori adalah seperti berikut:

Bil	Kategori Nombor Plat UM	Harga Minima Bidaan
1	Platinum	RM500,000.00
2	Emas	RM30,000 - RM100,000.00
3	Perak	RM3,000 - RM10,000.00
4	Gangsa	RM1,000.00

- (3) Kaedah bayaran:

**(i) Yuran Pengurusan:**

- Kad Kredit / Debit
- *Electronic Fund Transfer (EFT)*

**(ii) Bayaran Harga Bidaan:**

- Kad Kredit/ Debit

- (4) Pemohon dikehendaki untuk membuat bayaran penuh harga bidaan pada setiap kali bidaan dibuat.
- (5) Jumlah bayaran anda akan dicaj oleh pihak bank pengeluar kad pembida sekiranya bidaan adalah **Berjaya**.
- (6) Bagi bidaan yang **Tidak Berjaya**, bayaran balik harga bidaan yang telah dilakukan akan dibuat oleh pihak bank selepas tempoh 7 hari bagi pengguna kad kredit atau selepas 15 hari bagi pengguna kad debit dari tarikh keputusan bidaan secara rasmi dikeluarkan.
- (7) Keputusan bidaan akan diumumkan melalui notifikasi emel secara automatik dalam tempoh **24 jam** selepas proses bidaan tamat bergantung kepada transaksi dengan pihak bank.
- (8) Pemohon yang berjaya hendaklah mendaftarkan maklumat pendaftaran kenderaan yang lengkap sebaik sahaja pengumuman keputusan bidaan.

- (9) Universiti Malaya mempunyai hak mutlak di dalam menentukan penjualan sesuatu Nombor Plat UM dan tidak hanya tertakluk kepada pembida tertinggi.
- (10) Keputusan Nombor Plat UM adalah **MUKTAMAD**.
- (11) Surat rasmi keputusan tempahan Nombor Plat UM akan dikeluarkan dalam tempoh tiga (3) hari waktu bekerja selepas penerimaan maklumat lengkap pendaftaran kenderaan daripada pemohon.
- (12) Surat rasmi keputusan tempahan Nombor Plat UM akan dihantar melalui pos ke alamat pemohon. Pemohon yang ingin mengambil sendiri surat tawaran boleh berbuat demikian di Bahagian Perancangan Kewangan, Jabatan Bendahari, Aras 3, Canseleri UM dengan menunjukkan emel makluman sebagai bukti pembelian.
- (13) Urusan pendaftaran Nombor Plat UM dengan pihak JPJ adalah atas tanggungjawab pembeli. Rujuk **PENDAFTARAN NOMBOR PLAT UM**

#### **BIDAAN KATEGORI PLATINUM (UM2 – UM10)**

Pembelian secara bidaan bagi Nombor Plat UM kategori Platinum tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- (1) Bidaan untuk kategori Platinum hanya melibatkan Nombor Plat **UM2, UM3, UM4, UM5, UM6, UM7, UM8, UM9** dan **UM10 sahaja**.
- (2) Bidaan hanya boleh dibuat di laman <https://hebat.um.edu.my> menggunakan ID login yang sah dan dibuat dalam tempoh bidaan dibuka.
- (3) Yuran Pengurusan sebanyak RM50 akan dikenakan sebelum bidaan boleh dibuat. Bidaan minimum ialah RM500,000 dengan kenaikan bidaan sebanyak RM50,000.
- (4) Hanya deposit sebanyak RM5,000 akan dikenakan bagi setiap percubaan bidaan. Baki nilai bidaan hanya perlu diselesaikan sekiranya bidaan **BERJAYA**.

- (5) Jumlah bayaran deposit bidaan anda akan dicaj oleh pihak bank pengeluar kad masing-masing sekiranya bidaan anda **Berjaya**. Pembida berjaya akan dihubungi serta dimaklumkan mengenai proses lanjut pembayaran baki bidaan.
- (6) Bagi bidaan yang **Tidak Berjaya**, bayaran balik deposit akan dibuat dalam tempoh 7 – 15 hari bekerja selepas tarikh keputusan bidaan secara rasmi dikeluarkan bergantung kepada jenis kad dan bank pengeluar kad.
- (7) **Pembida berjaya perlu menyelesaikan pembayaran baki bidaan dalam tempoh yang ditetapkan**. Jika Pembida berjaya gagal berbuat demikian, bidaan akan dikira gagal dan UM berhak membuka semula Nombor Plat tersebut untuk bidaan.
- (8) Jumlah deposit bidaan yang telah dibuat bagi pembida berjaya tidak akan dikembalikan sekiranya pembida berjaya gagal menyelesaikan pembayaran baki bidaan dalam tempoh yang ditetapkan.
- (9) Keputusan bidaan akan diumumkan melalui notifikasi emel secara automatik dalam tempoh **24 jam** selepas proses bidaan tamat bergantung kepada transaksi dengan pihak bank.
- (10) Pemohon yang berjaya boleh mendaftarkan maklumat pendaftaran kenderaan yang lengkap hanya selepas pembayaran baki bidaan telah diselesaikan dan pengesahan terimaan bayaran dibuat oleh pihak Universiti Malaya.
- (11) Universiti Malaya mempunyai hak mutlak di dalam menentukan penjualan sesuatu Nombor Plat UM dan tidak hanya tertakluk kepada pembida tertinggi.
- (12) Keputusan Nombor Plat UM adalah **MUKTAMAD**.
- (13) Surat rasmi keputusan tempahan Nombor Plat UM akan dikeluarkan dalam tempoh tiga (3) hari waktu bekerja selepas penerimaan maklumat lengkap pendaftaran kenderaan daripada pemohon.

- (14) Surat rasmi keputusan tempahan Nombor Plat UM akan dihantar melalui pos ke alamat pemohon. Pemohon yang ingin mengambil sendiri surat tawaran boleh berbuat demikian di Bahagian Perancangan Kewangan, Jabatan Bendahari, Aras 3, Canseleri UM dengan menunjukkan emel makluman sebagai bukti pembelian.
- (15) Urusan pendaftaran Nombor Plat UM dengan pihak JPJ adalah atas tanggungjawab pembeli. Rujuk **PENDAFTARAN NOMBOR PLAT UM**

## PEMBELIAN SECARA LANGSUNG

Pembelian secara langsung tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- (1) Pembelian Nombor Plat UM secara langsung hanya terhad bagi Nombor Plat UM yang tidak dijual secara bidaan. Terdapat dua (2) kategori bagi pembelian secara langsung iaitu:

**Nombor Semasa:** Nombor Plat UM yang dibuka untuk pembelian secara langsung bagi pengguna mengikut aturan semasa nombor.

**Nombor Pilihan:** Nombor Plat UM yang dibuka untuk pembelian secara langsung hasil carian pengguna dalam ruang carian Nombor Plat UM.

- (2) Harga jualan bagi setiap kategori adalah seperti berikut:

Bil	Kategori Nombor Plat UM	Harga Jualan
1	Nombor Semasa	RM 500.00
2	Nombor Pilihan	RM 1,000.00

- (3) Kaedah bayaran:
- Kad Kredit / Debit
  - *Electronic Fund Transfer (EFT)*
  - *Potongan Gaji (bagi pengguna yang mendaftar masuk melalui UMCas sahaja, rujuk **Potongan Gaji**)*
- (4) Ketersediaan Nombor Plat UM yang boleh dibeli secara langsung bergantung kepada keputusan pihak Universiti Malaya.
- (5) Pengguna dikehendaki melengkapkan maklumat pendaftaran sebelum meneruskan pembayaran.

- (6) Keputusan pembelian akan diumumkan melalui notifikasi emel secara automatik dalam tempoh **24 jam** selepas pembayaran dibuat bergantung kepada transaksi dengan pihak bank.
- (7) Jumlah bayaran akan dicaj oleh pihak bank pengeluar kad pembeli sekiranya transaksi adalah **Berjaya**.
- (8) Bagi transaksi yang **Tidak Berjaya**, tiada jumlah yang akan dicaj. Sebarang caj yang dikenakan bagi transaksi yang Tidak Berjaya perlu dirujuk kepada pihak bank pengeluar kad pembeli.
- (9) Universiti Malaya mempunyai hak mutlak dalam menentukan penjualan sesuatu Nombor Plat UM.
- (10) Keputusan Nombor Plat UM adalah **MUKTAMAD**.
- (11) Surat rasmi keputusan tempahan Nombor Plat UM akan dikeluarkan dalam tempoh tiga (3) hari waktu bekerja.
- (12) Surat rasmi keputusan tempahan Nombor Plat UM akan dihantar melalui pos ke alamat pemohon. Pemohon yang ingin mengambil sendiri surat tawaran boleh berbuat demikian di Bahagian Perancangan Kewangan, Jabatan Bendahari, Aras 3, Canseleri UM dengan menunjukkan emel makluman sebagai bukti pembelian.
- (13) Urusan pendaftaran Nombor Plat UM dengan pihak JPJ adalah atas tanggungjawab pembeli. Rujuk **PENDAFTARAN NOMBOR PLAT UM**

#### **POTONGAN GAJI**

- (1) Kaedah pembayaran secara potongan gaji hanya disediakan kepada pengguna (pemohon) yang **mendaftar masuk melalui UMCas**.
- (2) Kaedah pembayaran melalui potongan gaji adalah terhad bagi pembelian **nombor plat secara langsung SAHAJA** dan tidak dibenarkan bagi pembelian secara bidaan.
- (3) Setiap pembelian melalui kaedah potongan gaji tertakluk kepada kelulusan daripada pihak Universiti Malaya.
- (4) Pilihan pembayaran melalui kaedah ini terhad kepada pilihan berikut:

Harga Nombor Plat UM	Bilangan ansuran	Nilai Potongan
RM 1000	1 bulan	RM 1000/bulan
	2 bulan	RM 500/bulan
RM 500	1 bulan	RM 500/bulan
	2 bulan	RM 250/bulan

- (5) Pembelian secara potongan gaji dihadkan kepada **satu (1) nombor plat sahaja** bagi setiap pemohon bagi satu tempoh permohonan. Pembelian seterusnya melalui kaedah potongan gaji hanya dibenarkan setelah pembayaran bagi pembelian sebelumnya selesai.
- (6) Kelulusan permohonan akan diumumkan melalui notifikasi emel dalam tempoh tiga (3) hari bekerja.
- (7) Bagi pemohon yang berjaya, potongan gaji akan diproses mengikut jadual proses pembayaran gaji yang telah ditetapkan oleh pihak Bahagian Sumber Manusia (BSM).
- (8) Bagi permohonan yang tidak diluluskan, pembelian nombor plat tersebut dikira sebagai **TIDAK BERJAYA**.
- (9) Universiti Malaya mempunyai hak mutlak di dalam menentukan penjualan sesuatu Nombor Plat UM.
- (10) Keputusan permohonan kelulusan pembayaran melalui kaedah potongan gaji adalah **MUKTAMAD**.

## PROMOSI BIDAAN

Promosi bidaan tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- (1) Promosi berbentuk 5% potongan diskaun daripada harga minima bidaan dan kadar kenaikan bidaan sahaja.
- (2) Promosi hanya sah bagi tempoh sesi bidaan yang telah dimaklumkan.
- (3) Promosi terhad kepada 2000 Nombor Plat UM yang dibuka semasa sesi bidaan yang ditentukan.
- (4) **Yuran Pengurusan masih dikenakan pada kadar yang sama** bagi setiap Nombor Plat UM yang dibida mengikut kategori seperti berikut:

Bil	Kategori Nombor Plat UM	Yuran Pengurusan
1	Platinum	RM50.00

2	Emas	RM50.00
3	Perak	RM50.00
4	Gangsa	RM30.00

Setiap bayaran Yuran Pengurusan yang dikenakan **TIDAK AKAN DIKEMBALIKAN.**

- (5) Harga bidaan minima selepas potongan diskaun 5% bagi setiap kategori adalah seperti berikut:

Bil	Kategori Nombor Plat UM	Harga Minima Bidaan Promosi
1	Emas	RM28,500.00 – RM95,000.00
2	Perak	RM2,850.00 – RM9,500.00
3	Gangsa	RM950.00

- (6) Proses pembayaran, keputusan bidaan, pengeluaran surat tawaran pendaftaran dan perkara-perkara lain yang berkaitan masih tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang telah ditetapkan dalam **BIDAAN** perkara (3) – (13) dan **PENDAFTARAN NOMBOR PLAT UM.**
- (7) Universiti Malaya mempunyai hak mutlak di dalam menentukan tempoh pelaksanaan promosi serta bentuk dan kadar promosi yang ditawarkan.

#### **PENDAFTARAN NOMBOR PLAT UM**

- (1) Pendaftaran Nombor Plat UM dengan pihak JPJ perlu dilakukan **DALAM TEMPOH 12 BULAN** daripada tarikh surat keputusan tempahan Nombor Plat UM dikeluarkan **ATAU SEBELUM 31 DISEMBER 2023**, mengikut mana-mana yang terdahulu.
- (2) Nombor Plat UM ini hanya boleh didaftarkan di **JABATAN PENGANGKUTAN JALAN, CAWANGAN WANGSA MAJU, WILAYAH PERSEKUTUAN, KUALA LUMPUR** sahaja.
- (3) Nombor Plat UM yang sudah dibayar tetapi gagal didaftarkan dalam tempoh yang ditetapkan akan ditarik balik tanpa sebarang notis dan sebarang bayaran yang telah dibuat **TIDAK AKAN DIKEMBALIKAN.**
- (4) Pengurangan harga tempahan bagi Nombor Plat UM yang ditawarkan **TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN.**



- (5) Sebarang **penukaran hak milik** dan **pelanjutan tarikh pendaftaran** bagi setiap pembelian Nombor Plat UM akan dikenakan caj perkhidmatan sebanyak **RM50**.

Tempoh sah lanjutan surat tawaran adalah dalam tempoh 3 bulan daripada tarikh surat tawaran yang asal.

Permohonan lanjutan hendaklah dibuat sebelum tempoh surat tawaran yang asal luput.

- (6) Tempoh penjualan Nombor Plat UM yang dibenarkan oleh pihak JPJ adalah sehingga 31 Disember 2023. Oleh itu, sebarang pendaftaran, lanjutan tarikh pendaftaran dan penukaran hak milik selepas tarikh berkenaan **TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN**.

- (7) Sebarang pertanyaan boleh dibuat kepada Bahagian Perancangan Kewangan, Jabatan Bendahari di talian +603-7967 3268/ 3469/ 3398 atau emel [hebat@um.edu.my](mailto:hebat@um.edu.my).